

# Badan Melayu terus sumbang

Seorang sudah berkecimpung sebagai sukarelawan dalam pertubuhan lebih 20 tahun dan yang seorang pula boleh dianggap 'orang baru'. Namun yang pasti kedua-dua mereka mempunyai matlamat yang serupa – meningkatkan kemajuan masyarakat Melayu/Islam ke tahap yang lebih tinggi. Tapi apakah yang mendorong mereka untuk melakukan kerja-kerja kemasyarakatan demi masa depan yang lebih cerah buat masyarakat Melayu/Islam setempat? FARID HAMZAH (farid@sph.com.sg) melaporkan.

## Peranan 4PM masih relevan

SEPANJANG 25 tahun lamanya Encik Izzuddin Taherally menjadi Presiden Persatuan Persuratan Pemuda Melayu (4PM) belum pernah beliau mulakan mesyuarat lewat, walaupun lima minit sekalipun.

Setiap mesyuarat pula tidak melebihi sejam setengah.

Baginya setiap minit itu amat berharga dan kesan kelewatan bukan sekadar ke atas persatuan tersebut, malah boleh juga menjadikan hubungan dengan keluarga masing-masing.

Encik Izzuddin, 61 tahun berkata kesannya dalam jangka panjang ialah tabiat 'datang lewat' yang pasti menjadi amalan tidak sihat dan ini boleh menjadikan imej persatuan.

Lebih buruk lagi sekiranya mesyuarat bermula lewat, maka ini bermakna masa akan berlarutan.

"Bayangkan sekiranya anggota persatuan itu pulang ke rumah selepas tengah malam setiap kali selepas ada mesyuarat persatuan, maka ia sedikit sebanyak menjadikan hubungan dengan pasangan masing-masing bukan?"

"Lama kelamaan ia boleh menjadi lebih serius," jelasnya yang tiba tepat pada masanya sempena temuramah tersebut.

Selain itu beliau juga tidak akan menganjurkan mesyuarat pada hujung minggu – melainkan program dan projek tertentu sahaja.

Beliau jangkakan faktor masa akan lebih penting dalam masa akan datang apakah lagi dalam suasana ekonomi negara yang menjadi semakin mencabar.

Ini membuat orang ramai, terutamanya golongan muda lebih mengutamakan masa yang dihabiskan dalam pendidikan atau kerjaya serta keluarga masing-masing berbanding masa sebagai sukarelawan di VWO.

"Sebab itulah penting bagi VWO seperti 4PM membuktikan kepada golongan muda bahawa masa yang diperuntuk sebagai sukarelawan dengan persatuan ini merupakan masa berkualiti – biar pun untuk seketika."

"Dan kami sebagai anggota pengurusan perlu contohkannya kepada mereka bahawa masa berkualiti itu mampu tercapai," katanya.

Encik Izzuddin mula mencebur 4PM sebagai seorang tenaga pengajar tuisen kendalian persatuan itu pada 1971 ketika masih menuntut di Maktab Rendah Kebangsaan (NJC).

Ketika itu beliau mengajar Matematik kepada para pelajar dari golongan berpendapatan rendah.

"Apabila saya mengajar mereka saya teringat pesanan arwah bapa saya bahawa walau apa pun yang berlaku, jadikan pendidikan sebagai kunci ke arah kejayaan."

**GENAP 25 TAHUN:**  
Encik Izzuddin Taherally dikatakan pemimpin 4PM paling lama yang menerajui pertubuhan itu.  
— Foto-foto M.O. SALLEH



**PANTANG LEWAT:** Encik Izzuddin Taherally (lima dari kanan) merupakan seorang yang amat mementingkan jadual dan sering memastikan agar mesyuarat bermula tepat pada masanya.

## Sebagai pemimpin

Tahun ini genap 25 tahun Encik Izzuddin menjadi Presiden 4PM.

Difahamkan beliau yang menjadi Presiden 4PM semasa berusia 36 tahun, merupakan pemimpin paling lama yang memegang jawatan tersebut dengan persatuan itu.

Tidak dapat dipastikan sekiranya beliau pemimpin pertubuhan Melayu/Islam paling lama yang memegang jawatan tertinggi sesebuah persatuan.

"Jika ada yang tanya mengapa saya lama sangat duduk di kerusi Presiden 4PM, saya tak tahu bagaimana untuk menjawabnya."

"Yang pasti ini bukan satu perlumbaan di mana saya cuba berkhidmat paling lama sebagai pemimpin persatuan berbanding pemimpin lain."

"Yang penting ialah kerjasama dengan anggota pengurusan lain."

"Tapi jangan sangka kami tiada pemimpin pelapis."

"Sebenarnya pemimpin pelapis masih dan terus diberi bimbingan sebelum mereka ambil alih pucuk pimpinan."

"Malahan pasukan pelapis kami sudah bersedia untuk menerajui 4PM dalam masa yang terdekat," katanya yang enggan mendedahkan bila perubahan itu akan berlaku.

## Siri konsert di taman

Ayah, nikmati udara segar sambil terhibur dengan persembahan konsert di taman. Satu siri konsert percuma akan diadakan di taman-taman di sini, memaparkan persembahan oleh bakat-bakat tempatan dan kumpulan masyarakat. Bermula pada 14 Mac, selebriti setempat seperti Kit Chan, Suhaimi Yusof dan kumpulan Jack & Rai akan menghiburkan pengunjung. Gerai makanan dan permainan juga tersedia. SG50 Concert Series in the Park akan diadakan pada 14 Mac, mulai 4 petang di taman Bishan Park-Ang Mo Kio Park Grand Lawn I. Percuma untuk semua.

## SG Heart Map

Acara ini menghargai tempat-tempat di Singapura yang menjadi sebuah definisi RUMAH kepada penduduk setempat dan menawarkan peluang kepada semua untuk mengimbang serta berhubung menerusi detil-detik istimewa selain berkongsi memori mengenai tempat-tempat ini. Acara ini berlangsung dari November 2014 - November 2015.



**MAJULAH TERUS:** Encik Khairul Rejal (kanan) dan Encik Mohsin merupakan dua tuggak utama Majulah Community yang berhasrat melihat anak muda hari ini menjadi 'jentera' ekonomi pada masa akan datang. — Foto TUKIMAN WARJI



**SABAR HARUNG BANJIR:** Encik Khairul (kanan) sama-sama mengantar bekalan bantuan makanan kepada mereka yang menjadi mangsa banjir di Temerloh, Pahang. — Foto MAJULAH COMMUNITY

## KUIZ #lahsg50

### MENANGI!

Beg goodie SG50 yang mengandungi sehelai beg tote, sebuah lencana, sekeping pelekat logo SG50 dan set kalender.

Mudah sahaja!

Jawab soalan berikut dan hantarkan jawapan anda kepada [bhsg50@sph.com.sg](mailto:bhsg50@sph.com.sg). Sertakan butir-butir peribadi iaitu nama, usia, alamat dan nombor telefon anda.

### SOALAN

**Sudah berapa lamakah Encik Izzuddin menjadi Presiden 4PM?**

Tarikh tutup: 14 Mac 2015

### Syarat-syarat:

- Keputusan pihak Berita Harian adalah muktamad.
- Setiap pembaca hanya boleh menjawab sekali sahaja.

SG  
50

## SEKILAS ACARA SG50

Layari laman [www.singapore50.sg](http://www.singapore50.sg) untuk maklumat lanjut.

*Majulah Komunitiku*

MEMASTIKAN agar generasi muda hari ini mampu menjadi penggerak ekonomi pada masa akan datang.

Tapi untuk memastikan impian ini menjadi nyata penting bagi anak muda sedar bahawa mereka perlu mempunyai tanggungjawab sosial untuk membawa mereka ke tahap selanjutnya.

Antaranya termasuklah sifat ihsan kepada individu lain yang memerlukan.

Bagi memenuhi visi tersebut pertubuhan Majulah Community yang ditubuhkan sejak 2010 telah mengorak langkah untuk menabur bakti kepada mangsa-mangsa banjir di pantai timur Malaysia sejak lewat tahun lalu.

Sejauh ini sebanyak lima misi bantuan telah dilaksanakan dengan bantuan yang disampaikan termasuk makanan, minuman bersih dan peralatan untuk kegunaan harian termasuk keperluan persekolahan.

Pengasasnya Encik Khairul Rejal, 35 tahun berkata usaha yang diambil pertubuhan itu membuktikan kepada orang ramai bahawa anak muda hari ini masih peka akan hubungan antara sesama insan terutamanya mereka yang memerlukan.

"Kami ingin mengajak para pemuda pemudi hari ini untuk menunjang rasa ihsan kepada isu-isu yang melanda negara ini dan rantau ini juga."

"Yang penting kami ingin menggalak sokongan padu masyarakat Singapura secara keseluruhan untuk tampil membantu, seperti dalam insiden banjir yang melanda pantai timur Malaysia baru-baru ini," katanya.

Baru-baru ini kumpulan Majulah Community telah menghantar bekalan makanan dan bantuan kemanusiaan lebih 16 tan untuk dihantar kepada para mangsa banjir di Pahang dan Kelantan.

Encik Khairul sendiri telah ke sana bersama seorang lagi pengarah kumpulan itu, Encik Mohsin Mohd Rashid, 29 tahun untuk menyampaikan bantuan dalam salah satu misi tersebut.

Majulah Community yang merupakan sebuah pertubuhan bukan meraih keuntungan ditubuhkan bagi membina laluan bagi golongan muda Singapura menjadi 'agen' perubahan untuk masa akan datang.



Rata-rata pertubuhan itu diterajui mereka yang berusia sekitar 20an tahun. Antara yang dilajangkan pertubuhan itu termasuk program untuk belia termasuk dari sudut sikap dan keusahawanan.

Semasa ditemui di pejabat berdaftar mereka di bangunan Scape di Orchard Link, Encik Khairul yang merupakan seorang pengurus pelaburan berkata menerusi pertubuhan itu pihaknya ingin meningkatkan generasi muda hari ini untuk tidak menjadi 'bambu' teknologi.

"Kita sering ingat 'bambu' teknologi dapat menyelesaikan apa jua persoalan dan masalah yang dihadapi."

"Sebenarnya teknologi hanya dapat mempermudahkan urusan kita tapi pucuk pangkalnya hubungan antara manusia tidak dapat diuruskan menerusi teknologi sahaja."

"Perlu ada sifat-sifat tanggungjawab sosial yang lain dalam diri kita," katanya.

Bagi rancangan masa depan pertubuhan itu, Encik Khairul bercadang mengadakan beberapa dialog antara agama dan kaum bagi membantu memperkuat hubungan masyarakat yang berbilang di negara ini.